

Kuasa Raja-Raja Melayu akan kekal dalam TN50

B/H 02/03/2013

Bangi: Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad yakin kuasa Raja-Raja Melayu akan kekal dalam pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Katanya, kuasa raja termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, selain terangkum dalam Rukun Negara yang sepatutnya dipertahankan oleh kerajaan dalam menuju TN50.

"Institusi raja sudah lama wujud di negara ini yang menjadi payung kepada rakyat dan agama sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Raja dan rakyat berpisah tiada.

"Kita di Malaysia setia kepada raja berbeza dengan Amerika Syarikat dan negara republik lain yang setia kepada bendera. Percayalah raja akan melindungi rakyat, agama dan negara selama-lamanya," katanya.

Beliau ditemui media selepas menghadiri wacana di sini, senalam.

Jadi agenda kerajaan

Ditanya sama ada institusi raja akan dibincangkan dalam dialog TN50, Syed Danial berkata, pihaknya yakin perkara itu akan menjadi agenda kerajaan.

"Saya tidak boleh mengulas lanjut mengenainya, namun yakin ia dalam proses perbincangan untuk diadakan dialog mengenainya apabila tiba masanya," katanya yang turut menyokong penganjuran wacana berkenaan.

Dalam pada itu, bekas pensyarah Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Mejar (B) Mior Rosli Mior Jaafar berkata, sebagai bekas pegawai tentera beliau yakin kuasa raja akan dipertahankan dalam TN50.

Katanya, Yang di-Pertuan Agong turut berperanan sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia sentiasa melindungi rakyat seperti pencerobohan penganas Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, pada Februari 2013.

"Sebab itulah saya percaya kuasa raja akan kekal dipertahankan dalam TN50. Sebagai rakyat, kita juga perlu bersatu mempertahankan institusi raja daripada sebarang ancaman," katanya.